

10/09/2002

Hospital swasta tidak wajar abai tanggungjawab sosial

MENGENAKAN kos yang terlalu tinggi bagi tujuan perubatan di hospital swasta tersasar daripada matlamat untuk mewujudkan konsep masyarakat penyayang yang dilaung-laungkan kononnya mahu diterap sebagai satu budaya rakyat Malaysia. Ia menjelaskan sikap ketidakprihatinan pihak pengusaha hospital swasta terhadap golongan yang kurang mampu untuk mendapat rawatan yang sempurna. Perlindungan kesihatan golongan seperti ini diabaikan hanya kerana mahu mengejar matlamat mendapatkan keuntungan berlipat ganda. Persaingan dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan yang selesa memang digalakkan, tetapi tanggungjawab sosial tidak seharusnya diabaikan.

Kos perubatan yang meningkat mencecah angka ratusan ribu ringgit untuk sesuatu tujuan perubatan penyakit kronik dan kritikal, seolah-olah memberitahu kepada keluarga pesakit supaya jangan meletakkan harapan dan simpati daripada pihak hospital, melainkan mereka berusaha mencari wang dengan apa cara sekali pun, walaupun terpaksa mengemis. Amalan hospital swasta mengenakan caj perubatan atau pembedahan terlalu tinggi yang mungkin mustahil bagi sesetengah keluarga mengumpulkannya, perlulah ditangani segera. Permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya hospital swasta mengurangkan kos rawatan serta pembedahan kepada pesakit miskin hendaklah diterjemahkan kepada tindakan.

Sekiranya permintaan itu masih dipandang ringan, kerajaan perlu menetapkan garis panduan berhubung soal kos yang wajib dipatuhi oleh pengusaha hospital swasta. Persoalannya mengapa pembedahan atau rawatan yang dikenakan di hospital kerajaan jauh lebih rendah daripada hospital swasta? Janganlah disebabkan hospital swasta berkenaan, terutamanya dimiliki syarikat yang disenaraikan di bursa saham mahu menunjukkan keuntungan di mata pemegang saham, mereka terpaksa melupakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Sememangnya kos perubatan di hospital kerajaan lebih munasabah tetapi bilangan pesakit yang menunggu giliran juga terlalu ramai yang menyebabkan sesetengah kes terpaksa dirujuk ke hospital swasta.

Bagi sesetengah keluarga, mendapat rawatan di hospital swasta adalah satu bebanan. Untuk mendapatkan khidmat rundingan saja, bayaran yang dikenakan sudah melampaui kemampuan mereka. Bagi mereka yang pernah menerima rawatan di hospital swasta, untuk mengesahkan seseorang itu menghidap sesuatu penyakit atau sebaliknya saja, terpaksa membayar harga berlipat kali ganda berbanding di hospital kerajaan.

Bayangkan jika menerima rawatan di wad yang bayarannya menjangkau ribuan ringgit, apatah lagi jika ditempatkan di bilik rawatan khas seperti Unit Rawatan Rapi (ICU) dan diawasi pula oleh doktor pakar. Untuk ditempatkan di unit itu saja sudah dikenakan bayaran yang agak tinggi, belum lagi caj rawatan dan ubat-ubatan. Ubat sepatutnya boleh dibeli sendiri dengan lebih murah di farmasi tanpa perlu dimasukkan ke dalam bil pesakit. Sekiranya pesakit terpaksa dibedah atau perlu menjalani pemeriksaan yang lebih kompleks, bil bayaran yang terpaksa ditanggung ada kalanya tidak berpadan dengan rawatan yang diberikan. Bagi mereka yang dilindungi insurans atau dibiayai oleh majikan, caj yang dikenakan mungkin tidak terasa.

Bagaimana dengan mereka yang bergaji kecil dan sederhana yang terpaksa membiayai sendiri kos perubatan yang dikenakan?. Bagi melaksanakan tanggungjawab sosial, terutama bagi kes tertentu, hospital swasta tidak perlu menunggu pesakit mendapat derma daripada orang ramai untuk menampung perbelanjaan rawatan kerana hospital itu sendiri boleh menjalankan rawatan segera dan menganggapnya sebagai sumbangan mereka kepada rakyat dan

negara.